



PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian
Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARIISNIN : 17 OKTOBER 2011

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran]

TARIKH

17 Oktober 2011 (Isnin)

SOALAN

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta PERDANA MENTERI menyatakan bersetujukah pihak Kementerian dengan adanya Rukun Tetangga (RT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) maka perpaduan kaum dan keselamatan sesebuah tempat tersebut dapat ditingkatkan. Apakah langkah pihak Kementerian dalam menggalakkan penubuhan skim tersebut di kampung-kampung tradisional yang telah mempunyai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) memandangkan faedah yang terdapat di dalam SRS amat besar.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang sedia maklum, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) mulai ditubuhkan pada tahun 1975, mengikut Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat No.1 1969. Tujuan utama RT pada waktu itu adalah untuk melibatkan para penduduk yang layak untuk menjalankan rondaan wajib bagi membantu pihak polis menjaga keselamatan, khasnya di kawasan-kawasan perumahan, kerana ancaman anasir-anasir subversif yang masih aktif. KRT adalah diurus dan ditadbir oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

No. SOALAN: 1

Selanjutnya, pada tahun 1983, rondaan wajib telah dimansuhkan kerana keadaan keselamatan telah pulih. Maka, KRT lebih menumpukan kepada pelbagai aktiviti yang dapat mempromosikan interaksi, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan, kejiranan, muhibbah, kerjasama, persefahaman, keharmonian dan perpaduan di kalangan penduduk di kawasan yang berkenaan. Pada amnya, sejak ditubuhkan, kebanyakan KRT telah dapat memainkan peranan secara positif mengikut sasarannya.

Walau bagaimanapun, mulai tahun 2004, Skim Rondaan Sukarela (SRS) telah diperkenalkan untuk melibatkan anggota-anggota jiran dalam membantu pihak polis menangani jenayah yang kian meningkat. Mengikut peraturan, SRS hendaklah ditubuhkan atas permohonan Jawatankuasa KRT yang sedia ada dan dikawal-selia oleh Jawatankuasa KRT yang berkenaan.

Mengikut peraturan, JPNIN tidak diberi peranan dan kuasa untuk menubuhkan KRT di kampung-kampung tradisional. Sememangnya terdapat persefahaman bahawa KRT ditubuhkan bagi kawasan-kawasan perumahan dalam bandar atau separuh bandar (semi-urban), manakala Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampong (JKKK) adalah untuk kawasan-kawasan kampung tradisional. Persefahaman ini adalah untuk mengelakkan pertindihan dan percanggahan tanggungjawab.

Walau bagaimanapun, oleh kerana pembangunan skim-skim perumahan yang pesat di luar bandar, maka di tempat-tempat tertentu, KRT

juga telah ditubuhkan dalam kawasan luar bandar di mana telah wujudnya

JKKK. Dalam keadaan sedemikian, KRT dan SRS sentiasa bersedia bekerjasama dengan JKKK, persatuan penduduk dan badan-badan lain untuk meningkatkan keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan di kawasan yang berkenaan.

Untuk makluman, sejak awal tahun 2009, khasnya selepas Gagasan 1 Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dilancarkan dan dilaksanakan, salah satu Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau NKRA ialah memerangi jenayah. SRS telah diberi tumpuan sebagai satu komponen penting dalam NKRA jenayah bersama-sama dengan RELA, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan badan-badan sukarela yang lain.

Bilangan KRT telah meningkat dari 3,995 buah pada awal tahun 2009 sehingga 5,456 pada bulan Ogos tahun ini, iaitu, peningkatan sebanyak 37 peratus. Dalam tempoh yang sama, SRS pula bertambah dari 1,248 ke 2,698, iaitu, sebanyak 110 peratus, lebih daripada dua (2) kali ganda. Ini merupakan 2 rekod yang dicatat di bawah pentadbiran baru di bawah inisiatif-inisiatif GTP.

**MAKLUMBALAS KEPADA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI
KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULULANGAT]
TARIKH : 17 OKTOBER 2011

SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN**

menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam memastikan pembekalan bahan-bahan makanan ke hospital-hospital kerajaan oleh pembekal adalah halal, bersih dan berkualiti.

Datuk Yang DiPertua,

Pihak KKM sangat menitikberatkan dan memberi jaminan penuh bahawa semua makanan yang dibekal, disediakan dan dihidang kepada para pesakit yang mendapat rawatan di semua hospital-hospital KKM adalah berkeadaan bersih, selamat untuk dimakan, berkualiti tinggi dan pastinya juga dijamin 100% halal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 128 hospital KKM yang penyajian makanannya dikendalikan secara "in house" iaitu kendalian sepenuhnya oleh pegawai dan petugas KKM dan terdapat 7 hospital yang dikendalikan oleh pihak swasta iaitu Hospital Pulau Pinang, Hospital Putrajaya, Hospital Ampang, Hospital Selayang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Serdang dan Hospital Sultan Ismail Johor.

1

Terdapat pelbagai langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KKM bagi menjamin standard yang ditetapkan dan ianya meliputi dari bermulanya penyediaan dokumen tender/ sebutharga perbekalan bahan makanan tersebut sehinggalah makanan itu dihidangkan di hadapan pesakit.

Datuk Yang DiPertua,

Mohon izin saya perelaskan secara terperinci satu persatunya langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh KKM.

1. MEWUJUDKAN SYARAT-SYARAT KETAT DALAM DOKUMEN TENDER / SEBUTHARGA PEMBEKALAN BAHAN-BAHAN MAKANAN MENTAH, BASAH DAN KERING KE HOSPITAL-HOSPITAL KKM di mana:

i. Kontraktor hendaklah menentukan Barang-Barang Makanan yang diserahkan mengikut spesifikasi yang telah ditentukan dalam Perjanjian.

ii. Kontraktor hendaklah apabila diminta oleh Kerajaan membekalkan dengan tiada apa-apa bayaran contohnya Barang-Barang Makanan yang dibekalkan untuk diuji oleh Kerajaan.

iii. Bagi makanan untuk orang-orang Islam, Kontraktor hendaklah menunjukkan dengan memuaskan hati Kerajaan bahawa Barang-Barang Makanan tersebut bersesuaian dengan kehendak Undang-Undang dan Peraturan Agama Islam

iv. Kontraktor hendaklah membenarkan pegawai-pegawai Kerajaan pada bila-bila masa memasuki dan memeriksa tempat penyembelihan, kilang makanan atau tempat simpanan Barang-Barang Makanan yang akan dibekalkan.

v. Barang-Barang Makanan yang dibekalkan hendaklah mengikut penentuan pembungkusan atau pengetinan dalam perjanjian dan Kerajaan tidak akan menerima Barang-Barang Makanan yang rosak

bungkusannya atau tinnya.

Datuk Yang DiPertua,

Antara langkah seterusnya adalah;

2. MEMASTIKAN KAWALAN KUALITI YANG KETAT SETIAP HARI DALAM AKTIVITI PENERIMAAN PEMBEKALAN BAHAN-BAHAN MAKANAN MENTAH, BASAH DAN KERING MENGIKUT SPESIFIKASI KONTRAK
3. MENYELIA KAWALAN KUALITI DI DALAM ASPEK PENYIMPANAN BEKALAN DI DALAM STOR BAGI BAHAN-BAHAN MAKANAN MENTAH, BASAH DAN KERING
4. MEMASTIKAN KAWALAN KUALITI KEATAS BAHAN-BAHAN MAKANAN MENTAH, BASAH DAN KERING SEMASA PROSES PENYEDIAAN MAKANAN DIJALANKAN
5. MENYELIA KUALITI DALAM PROSES MEMASAK MAKANAN PESAKIT
6. MELAKSANAKAN KAWALAN KUALITI SEMASA AKTIVITI PENGAGIHAN MAKANAN KE WAD
7. MENYELIA HIDANGAN MAKANAN YANG DIHIDANG KEPADA PESAKIT-PESAKIT DI WAD
8. PIHAK KERAJAAN JUGA MELAKSANAKAN PROGRAM JAM I NAN PENYEDIAAN MAKANAN YANG SELAMAT DAN BERKUALITI DI SEMUA

UNIT/JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN HOSPITAL KKM

Pihak KKM sedang berusaha untuk memastikan semua seratus tiga puluh lima (135) Unit /Jabatan Dietetik dan Sajian Hospital-Hospital KKM memperoleh Sijil Jaminan Kualiti Dalam Penyediaan Makanan (GMP) dari pihak berkuasa. Ketika ini, terdapat 10 hospital KKM yang telah memperolehnya iaitu;

1. Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan, Pahang
2. Hospital Muadzam Shah, Pahang
3. Hospital Sultan Hj Ahmad Shah, Pahang
4. Hospital Jerantut, , Pahang
5. Hospital Raub, Pahang
6. Hospital Kuala Lipis, Pahang
7. Hospital Jengka, Pahang
8. Hospital Bentong, Pahang
9. Hospital Kuala Kubu Bharu, Selangor dan;
10. Hospital Langkawi, Kedah

Manakala Hospital Serdang, Selangor telah memperolehi persijilan *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP) pada tahun 2009. Hospital-hospital lain sedang berusaha dalam memperolehi Sijil Jaminan Kualiti Dalam Penyediaan Makanan tersebut dan dijangka tercapai sepenuhnya pada akhir tahun 2014.

9. PENAMBAHBAIKAN KUALITI SECARA BERTERUSAN

Unit/Jabatan Dietetik dan Sajian juga mengadakan penambahbaikan secara berterusan bagi meningkatkan perkhidmatan sajian makanan dengan membentuk resipi-resipi baru, perubahan cara memasak, tindakan ke atas laporan kajian kepuasan pelanggan serta merancang pembelian peralatan yang dapat mengekalkan suhu makanan yang dimakan oleh pesakit seperti **Hot and Cold Trolley (dengan izin)**

10. MENAIKTARAF KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PEGAWAI DALAM PENYEDIAAN MAKANAN PESAKIT DI HOSPITAL

Dasar Pemakanan Kebangsaan 2003 telah digubal untuk memastikan orang awam mendapat akses kepada makanan yang selamat (*food safety*), berkhasiat dan berkualiti. Selaras dengan dasar tersebut, perkhidmatan sajian makanan dimantapkan dengan pewujudan jawatan Pegawai Penyediaan Makanan C41 dan penambahbaikan skim perkhidmatan Tukang Masak N1 dan N4 kepada Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17, N22 dan N26 dengan kelayakan minima SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Datuk Yang Dipertua,

Kerajaan dan pihak KKM telah mengambil tindakan secara komprehensif di semua peringkat operasi makanan bermula di peringkat pembentukan spesifikasi tender sehingga penghidangan makanan di wad bagi memastikan makanan yang dihidang kepada pesakit di hospital kerajaan adalah halal, bersih, berkualiti dan selamat dimakan. Pencapaian kualiti adalah sesuatu yang dinamik. Sehubungan itu penambahbaikan secara berterusan akan sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memenuhi kehendak pelanggan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH **17 OKTOBER2011**

RUJUKAN **4296**

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan air kencing secara percuma untuk mengesan individu yang menyalahgunakan dadah dan adakah sebarang kajian untuk pihak Kementerian menyediakan "kit pemeriksaan air kencing" untuk kegunaan ibu bapa di rumah bagi pengesanan penyalahgunaan dadah lebih awal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Sibuti** yang mengemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 memberi kuasa kepada Pegawai Pemulihan dan termasuklah mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat atau mana-mana Pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah dari Sarjan atau mana-mana Pegawai Penjaga Balai Polis untuk membuat pemeriksaan air kencing bagi mengesan individu yang menyalahgunakan dadah. Pegawai AADK menurut Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 adalah diiktiraf sebagai Pegawai Pemulihan juga. Sehubungan dengan itu, AADK di bawah Program Pencegahan Dadah telah melaksanakan aktiviti ujian saringan air kencing terhadap pelajar di sekolah, Institusi Pengajian Tinggi dan juga pekerja di sektor awam dan swasta berdasarkan kepada permohonan yang diterima daripada pihak-pihak berkenaan. Perkhidmatan ujian saringan air kencing ini adalah diberi secara percuma.

Tuan Yang Dipertua,

AADK selain daripada membuat ujian saringan air kencing dalam

program pencegahannya, Agensi ini juga menjalankan beberapa program lain seperti:

- i. Membuat pameran dan ceramah di sekolah-sekolah;
- ii. Bagi sekolah-sekolah berisiko tinggi yang mana pelajar mereka terjebak dalam penyalahgunaan dadah, AADK dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri mengadakan Program SHIELDS untuk meningkatkan kesedaran serta pengetahuan di kalangan peserta program mengenai bahaya dadah dan kesannya. Program ini juga bertujuan untuk memupuk sikap dan amalan yang baik serta mengamalkan gaya hidup sihat disamping memperkasakan keupayaan dan komitmen sekolah dan keluarga dalam membimbing peserta program untuk mengatasi masalah berkaitan dadah; dan
- iii. Mengadakan program-program pendidikan pencegahan serta kesedaran awam kepada institusi kekeluargaan di seluruh Malaysia bagi memberi pengetahuan dan kesedaran mengenai kepentingan pencegahan awalan terhadap sebarang aktiviti penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat terutamanya belia dan ibu bapa. Di antara aktiviti yang dilaksanakan di bawah program ini adalah seperti:-
 - a. *Family On Alert*, dan
 - b. *Forum Let's Talk About Drugs And Health*.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan pertanyaan mengenai pembekalan "kit

pemeriksaan air kencing” untuk kegunaan ibu bapa di rumah bagi mengesan penyalahgunaan dadah lebih awal, buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk membekalkan “kit pemeriksaan air kencing”.

NO. SOALAN : 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.
SANTIAG
O [
KLANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan tujuan Kerajaan untuk melantik syarikat PR antarabangsa untuk promosi tenaga nuklear dan adakah ini bermaksud bahawa Kerajaan akan meneruskan projek pembinaan loji nuklear.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Klang bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Selayang pada 22 November 2011 memandangkan skop dan ruang lingkup soalan yang dikemukakan adalah hampir sama.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sepertimana yang pernah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan masih belum membuat keputusan muktamad mengenai cadangan pembinaan loji janakuasa nuklear di negara ini. Ini kerana pelbagai kajian perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi mengukur tahap keupayaan dan kesediaan negara. Hasil kajian-kajian tersebut akan digunakan untuk membantu Kerajaan dalam membuat keputusan muktamad mengenai pembinaan loji jana kuasa nuklear di negara ini.

Kementerian saya ada melaksanakan pelawaan kepada para perunding pada bulan Julai 2011 untuk mendapatkan khidmat nasihat berhubung

pelaksanaan Program Pendidikan dan Kesedaran Awam bagi Pembangunan Kuasa Nuklear. Walaubagaimanapun, atas nasihat Kerajaan program ini tidak akan diteruskan.

Seterusnya suka saya nyatakan di sini bahawa Program Pendidikan dan Kesedaran Awam berhubung pembangunan kuasa nuklear merupakan aspek yang amat penting bagi mana-mana negara. Sehingga kini, program pendidikan dan kesedaran awam tersebut dilaksanakan oleh pelbagai pihak di negara ini, termasuklah oleh badan-badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs), namun pelaksanaannya dilihat hanya tertumpu kepada beberapa kumpulan sasaran tertentu sahaja. Menyedari kepentingan pelaksanaannya secara lebih berkesan dan menyeluruh, Kementerian saya merasakan bahawa adalah perlu program pendidikan dan kesedaran awam dimulakan daripada peringkat awal lagi dan dilaksanakan secara berterusan meskipun keputusan muktamad mengenainya masih belum lagi dibuat oleh Kerajaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Cadangan pelaksanaan program pendidikan dan kesedaran awam yang komprehensif daripada Kementerian saya adalah bertujuan untuk mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat melalui penyebaran pengetahuan, maklumat serta fakta mengenai tenaga nuklear yang tepat, sahih dan menyeluruh. Secara tidak langsung, ianya sedikit sebanyak akan memberi manfaat ke arah meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap tenaga nuklear sekali gus melahirkan masyarakat yang berpemikiran berasaskan pengetahuan dan fakta dan bukan hanya bersandarkan kepada persepsi negatif semata-mata.

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
KAWASAN RAHMAN
TARIKH : PASIR SALAK :
NO. SOALAN 17.10.2011 (Isnin)

DATO" HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN⁵ minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan perbandingan di antara pelaburan dalam negeri (domestic investment) dengan 'Foreign Direct Investment'⁸ (FDS) dalam tempoh setahun yang lalu.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2010, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM47.2 bilion yang melibatkan 910 projek. Daripada jumlah tersebut, RM18.1 bilion (38.3%) adalah pelaburan domestik. manakala RM29.1 billion (61.7%) adalah pelaburan asing (FDI).

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011 pula, sejumlah 585 projek perkslangan teSah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM35.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM18.4 bilion (45.8%) merupakan pelaburan domestik, manakala pelaburan asing berjumlah RM19.4 bilion (54.2%).

Lima sektor utama yang **menyumbang** kepada jumlah pelaburan domestik yang diluluskan dari tahun 2010 hingga Ogos 2011 adalah:

- (i) Kelengkapan pengangkutan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM8.5 bilion;
- (si) Produk petroleum termasuk petrokimia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM8.4 bilion;
- (isi) Produk logam asas dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.4 bilion;
- (iv) Produk logam fabrikasi dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.3 bilion; dan
- (v) Produk elektronik dan elektrik dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.7 bilion.

Lima sektor utama yang menyumbang kepada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dari tahun 2010 hingga Ogos 2011 adalah:

- (i) Produk elektronik dan elektrika dengan jumlah pelaburan sebanyak RM19.1 bilion;

- (ii) Produk logam asas dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6 bilion;
- (iii) Kimia dan produk kimia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.9 bilion;
- (iv) Produk qalian bukan logam dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.6 bilion; dan
- (v) Pengilangan makanan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.9 bilion.

No. Soalan :
[6] PR-1243-
L46882

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

**DARI PADA TUAN SIVARASA A/L
K.RASIAH [SUBANG]**

TARIKH 17 OKT 2011

SOALAN : **Tuan Siva rasa A/L K.Rasiah [Subang]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan sama ada tindakan Ratu Queen
Elizabeth II memakai baju kuning semasa
Perdana Menteri menghadapnya di Istana
Buckingham pada 14 Julai 2011 akan
menjejaskan hubungan antara Malaysia
dengan United Kingdom.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, lawatan YAB Perdana Menteri ke United Kingdom dari 12 hingga 15 Julai 2011 telah berjaya meningkatkan hubungan dua hala Malaysia dan United Kingdom. Justeru pertemuan YAB Perdana Menteri dan Baginda Ratu Elizabeth II menandakan pengiktirafan United Kingdom terhadap hubungan dua hala yang semakin utuh dengan Malaysia. Sewajarnya pertemuan dan pengiktirafan ini merentasi pilihan warna pakaian Baginda Ratu semasa menemui YAB Perdana Menteri dan isteri beliau di Istana Buckingham.

3. Pakaian Baginda Ratu Elizabeth untuk acara dan upacara rasmi semasa musim bunga dan panas di United Kingdom, serta juga semasa lawatan Baginda ke negara-negara asing yang bersuhu lebih panas dari di United Kingdom sememangnya adalah dalam warna-warna yang lembut dan cerah. Malahan, semenjak tahun 1954 lagi sudah ketara kelihatan bahawa Baginda Ratu Elizabeth gemar memakai pakaian yang berwarna kuning. Ini termasuk semasa Lawatan Diraja beliau ke Australia.

4. Pada tahun 2011, antara acara dan upacara dalam mana Baginda Ratu Elizabeth memakai baju berwarna kuning adalah pada 18 May 2011 semasa Lawatan Rasmi Baginda ke Republik Ireland. Baginda telah memakai baju berwarna kuning ketika melawat Taman Croke, dengan izin, *Crake Park*, dan diiringi oleh Presiden negara tersebut, Puan Yang Terutama Mary McAleese. Pada tahun ini juga, semasa

Upacara Perkahwinan Diraja cucu Baginda Ratu Elizabeth, iaitu, diantara Putera William dengan Catherine Middleton pada 29 April 2011 di Westminster Abbey, Baginda Ratu Elizabeth, telah memakai baju dan topi kuning. Pilihan warna kuning Baginda semasa Upacara ini ditafsirkan oleh semua pihak sebagai melambangkan keceriaan, kegembiraan dan kebahagiaan Baginda.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Yang penting adalah objektif dan hasil Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke United Kingdom tercapai dalam mana hubungan antara kedua-dua negara telah diperkukuhkan lagi demi kesejahteraan bersama. Tumpuan diberikan terhadap kerjasama dalam sektor ekonomi, termasuk di bidang industri berteknologi tinggi, pembangunan Usahawan Kecil dan Sederhana serta Teknologi Maklumat. Tujuh (7) perjanjian dan memorandum persefahaman antara kerajaan, dan antara sektor swasta juga ditandatangani yang mengeratkan kerjasama dan memanfaatkan kedua-dua negara.

6. YAB Perdana Menteri juga mengambil peluang untuk berinteraksi dengan ahli-ahli perniagaan dan ketua-ketua kewangan United Kingdom, di dalam usaha untuk menggalakan syarikat-syarikat United Kingdom untuk melabur dan berkecimpung di dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan, penjagaan kesihatan, dengan izin *pharmaceutical*, bioteknologi dan industri berasaskan pengetahuan atau dengan izin *knowledge-driven industries* di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI

(BATANG SADONG)

TARIKH 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri (Batang Sadong) minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan apakah syarat atau spesifikasi kelayakan kepada sesebuah
Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan bagaimanakah prestasi
aktiviti yang dijalankan oleh PDK sama ada ianya berkesan untuk
membantu pemulihan golongan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memberi perhatian khusus berkaitan pemulihan dan pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU). Dalam hal ini, Kementerian melaksanakan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) melalui agensinya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). PDK merupakan satu program pemulihan dan pembangunan untuk OKU termasuk kanak-kanak OKU yang dijalankan bersama komuniti supaya mereka dapat diintegrasikan dalam masyarakat.

Program PDK dilaksanakan melalui kerjasama multisektoral dengan penglibatan aktif ibu bapa, keluarga, masyarakat setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi Kerajaan seperti Jabatan Pelajaran, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Tenaga Kerja.

Syarat kelayakan bagi penubuhan sesebuah PDK adalah seperti berikut:

- a) Terdapat sekurang-kurangnya 10 orang OKU yang memerlukan latihan dan pemulihan dalam sesebuah komuniti setempat;
- b) Cadangan premis PDK berada di kawasan strategik dan mudah diakses oleh OKU dan keluarga; dan
- c) Terdapatnya individu atau kumpulan dalam komuniti yang berminat, komited dan boleh menyumbang kepada pelaksanaan PDK.

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai program latihan dan pembelajaran dilaksanakan di PDK bertujuan untuk pemulihan dan pembangunan pelatih OKU seperti:

- pengurusan diri harian (*daily living skills*);
- kemahiran motor kasar dan motor halus;
- pemulihan melalui terapi muzik;
- terapi berkuda;
- perkembangan sosial;
- perkembangan bahasa;
- pengurusan diri;
- latihan vokasional;
- 3M (membaca, menulis dan mengira);
- aktiviti riadah; dan
- kebudayaan serta sukan.

Kementerian mendapati sejak pelaksanaan projek perintis PDK di Kampung Batu Rakit, Kuala Terengganu pada tahun 1984, program PDK telah memberi kesan yang amat positif dalam membantu pemulihan OKU. Berdasarkan kajian ilmiah terhadap tahap kognitif OKU yang dijalankan di PDK Kuala Selangor, adalah didapati bahawa latihan vokasional yang dijalankan di PDK dapat membantu meningkatkan tahap kemahiran diri, keupayaan kognitif dan kemahiran bekerja di kalangan OKU.

Sehubungan itu, kepercayaan ibu bapa dan masyarakat setempat terhadap program yang dijalankan di PDK semakin kukuh. Dalam hal ini bilangan pelatih dan jumlah PDK telah menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Jumlah PDK telah meningkat daripada 313 buah PDK pada tahun 2008 kepada 428 buah PDK

sehingga bulan Ogos 2011. Manakala jumlah pelatih PDK meningkat dua kali ganda iaitu daripada 8,453 orang pelatih OKU pada tahun 2008 kepada 18,943 orang pada bulan Ogos 2011.

Selain itu pelatih PDK juga telah mempamerkan kecemerlangan dalam bidang sukan berikutan latihan dan bimbingan yang dijalankan di PDK. Sebagai contoh, seramai 8 orang pelatih PDK telah terpilih untuk menyertai kontinjen Malaysia dalam acara olahraga dan tenpin bowling di Kejohanan "*Special Olympics World Summer Games 2011*" di Athens Greece dari 20 Jun hingga 4 Julai 2011. Dalam kejohanan bertaraf dunia ini, Malaysia telah memperolehi 24 pingat iaitu 6 emas, 6 perak dan 12 gangsa. Daripada jumlah tersebut, pelatih OKU dari PDK telah merangkul 9 pingat iaitu 2 pingat emas, 2 pingat perak dan 5 pingat gangsa.

Secara keseluruhannya, program PDK yang dilaksanakan telah banyak membantu dalam proses perkembangan, pembangunan dan pemulihan golongan OKU di negara ini, khususnya kanak-kanak. Sehubungan itu KPWKM meneruskan iltizamnya untuk meningkatkan prestasi PDK demi kesejahteraan, kebajikan dan kepentingan golongan OKU.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]

TARIKH

17 Oktober 2011 (Isnin)

SOALAN

8

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian akan meluluskan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) yang baru untuk membina jejantas bergerak (*aerobridge*) bagi penumpang kapal terbang kos rendah. Apakah Kementerian akan membenarkan Malaysia Airports Holdings Berhad untuk meningkatkan kutipan yuran sekiranya ia tidak menjaga kepentingan penumpang kapal terbang kos rendah.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya memohon izin untuk menjawab bersekali pertanyaan ini bersama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Parit Sulong pada 2 November 2011 di mana kedua-dua soalan adalah lebih kurang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh dan Parit Sulong, keputusan sama ada untuk membina jejantas bergerak (*aerobridge*) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) atau sebaliknya adalah bergantung kepada keperluan pengguna *aerobridge* tersebut iaitu syarikat penerbangan. *Aerobridge* hanya akan dibina sekiranya syarikat penerbangan ingin menggunakannya untuk mengelakkan *aerobridge* tersebut tidak digunakan sepenuhnya (*under utilise*).

Sungguhpun demikian, pihak Kerajaan mengambil berat akan pandangan umum berhubung pembinaan *aerobridge* di KLIA 2 sebagaimana yang dinyatakan dalam *Surat kepada Pengarang (Letters to the Editor)* dalam surat khabar tempatan. Selain itu, Kerajaan telah pun memanjangkan pandangan daripada Orang Kelainan Upaya (OKU), *MATTA* dan juga *Board of Airline Representatives* berhubung keperluan pembinaan *aerobridge* tersebut kepada pihak MAHB.

Namun begitu, cadangan pembinaan *aerobridge* di KLIA 2 masih di peringkat penelitian dan pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) juga telah memperuntukkan ruang untuk memasang *aerobridge* tersebut

sekiranya syarikat penerbangan ingin menggunakannya kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, anggaran jumlah kos yang diperlukan untuk pembinaan 80 buah *aerobridge* di KLIA 2 ini adalah sebanyak **RM132 juta**.

Berhubung sama ada Kementerian membenarkan MAHB meningkatkan kutipan yuran sekiranya ia tidak menjaga kepentingan penumpang kapal terbang kos rendah, Kementerian hanya akan membenarkan MAHB meningkatkan kutipan yuran sekiranya ia setaraf dengan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada penumpang di sesebuah lapangan terbang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARI PADA
TARIKH

LISAN
DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
[SETIU]
17.10.2011(ISNIN)

DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah peniaga yang dikenakan tindakan kerana kesalahan berkaitan harga barang terkawal pada musim perayaan tahun ini dan apakah strategi jangka panjang Kementerian dalam menangani isu kenaikan harga barang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga hari ini, empat (4) Skim Kawalan Harga Musim Perayaan telah berjaya dilaksanakan iaitu :-

- i. Tahun Baru Cina (30.1.2011 - 10.2.2011 - 12 hari)
- ii. Hari Gawai di Sarawak (27.5.2011 - 02.6.2011 - 7 hari)
- iii. Pesta Keamatan di Sabah (25.5.2011 - 31.5.2011 - 7 hari)
- iv. Hari Raya Puasa (23.8.2011 - 06 .9.2011 - 15 hari)

Sepanjang pelaksanaan kesemua Skim tersebut, sebanyak 114,850 premis telah

diperiksa dan 166 peniaga telah diambil tindakan kerana melakukan pelbagai kesalahan dibawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 seperti menjual melebihi harga maksimum, gagal menggunakan tanda harga khas merah jambu dan tiada tanda harga. Nilai barangan yang disita berjumlah RM12,551.64. Kompaun yang telah dibayar berjumlah RM28.500.00

Diantara strategi-strategi jangka panjang Kementerian ini dalam menangani isu kenaikan harga barang ialah

- i. Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga telah diwujudkan oleh Kerajaan bagi menangani kenaikan harga barangan dan memastikan bekalan makanan adalah mencukupi. Semua agensi kerajaan yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif secara bersepadu bagi memastikan bekalan makanan dalam negara adalah mencukupi dan stabil.
- ii. Dari aspek melindungi kepentingan pengguna, Kerajaan telah menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 mulai 1 April 2011 bagi mengelakkan amalan pencatutan di kalangan peniaga yang tidak beretika.
- iii. Memperkenalkan dan memperbanyakkan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) dan menu rakyat 1 Malaysia bagi tujuan mengurangkan kos sara hidup di kalangan pengguna yang berpendapatan rendah terutamanya di bandar-bandar besar dan kawasan pedalaman.
- iv. Menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan menyertai Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia sebagai alternatif kepada

pengguna untuk mendapatkan produk jenama tempatan pada harga yang lebih murah dan berkualiti.

Bagi tujuan menyekat kenaikan harga barang yang tidak munasabah, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan bagi perayaan- perayaan tertentu seperti Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Hari Krismas diteruskan bagi membantu pengguna mengurangkan kos sara hidup.

Menggalakkan program kesedaran pengguna di kawasan bandar dan luar bandar seperti seminar, ceramah dan sembang - sembang pengguna.

Menggalakkan program pendidikan peniaga melalui mesyuarat, taklimat , perbincangan dan dialog bersama Dewan-dewan Perniagaan dan Persatuan-persatuan Industri yang berkaitan.

Projek Pengedaran Barang-Barang Perlu di kawasan luar bandar dan pendalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak telah dilaksanakan bagi memastikan barangan keperluan asas terutamanya makanan seperti gula, tepung gandum, minyak masak dan beras sampai kepada kumpulan sasaran dengan harga yang berpatutan serta dikawal oleh Kerajaan.

Program Penyeragaman Harga telah diadakan untuk menyeragamkan harga barang keperluan di antara kawasan bandar dan luar bandar, misalnya penyeragaman harga gas petroleum cecair diantara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

SOALAN NO.: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

Y.B. DATO' HAJI WAN ABD. RAHIM
BIN WAN ABDULLAH

KAWASAN

KOTA BHARU 17 OKTOBER 2011

TARIKH

(ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH
(KOTA BHARU) mints MENTERI KERJA RAYA menyatakan
adakah jambatan ke-2 Sultan Yahya Petra di Kota Bharu dapat

digunakan pada bulan Ogos 2012.

JAWAPAN

SOALAN NO.: 10

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Membina Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan telah dimulakan 18 Jun 2007 dan sepatutnya siap dalam tempoh 30 bulan, iaitu pada 17 Disember 2009. Namun demikian berikutan dari masalah-masalah yang timbul di luar kawalan pihak kontraktor, projek dengan nilai kontrak semasa sebanyak RM161.99 juta ini telah diberikan kelulusan Tempoh Lanjutan Masa (EOT), iaitu sehingga 9 Ogos 2012.

Sehingga 21 September 2011, kemajuan kerja fizikal yang dicatatkan di tapak ialah 79.1% berbanding 83.2% mengikut jadual atau bersamaan kelewatan selama 13 hari. Nilai peratusan kemajuan kerja ini adalah berdasarkan kepada graf kemajuan fizikal dan kewangan yang dicatatkan oleh wakil Penguasa Projek di tapak bina dan disahkan oleh Penguasa Projek (SO). Sehubungan itu, berdasarkan kepada kemajuan kerja di tapak dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pihak kontraktor, projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada atau sebelum 9 Ogos 2012, kecuali jika terdapat faktor-faktor di luar kawalan yang tidak dapat dielakkan seperti cuaca buruk akibat dari musim hujan yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA
BELAS, TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
(LIMBANG)**

TARIKH : 17 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan dapatkah Kerajaan menimbang untuk memasukkan kos penyambungan paip dari paip utama ke rumah-rumah penduduk dalam projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) ke dalam kos projek dan bukan oleh penduduk kampung seperti yang diamalkan pada masa ini disebabkan kos penyambungan yang boleh mencecah sehingga RM1,000.00 adalah membebankan buat penduduk luar bandar.

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, skop pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di seluruh negara merangkumi penyambungan paip retikulasi sehingga '*meter stand*' yang dipasang disempadan kawasan rumah. Penyambungan paip dari '*meter stand*' ke rumah pengguna dan

Soalan No:

perpaipan dalaman rumah adalah di bawah tanggungjawab pengguna memandangkan pengguna perlu membayar wang deposit kepada pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) bagi pemasangan meter dan seterusnya penyambungan bekalan air oleh PBAN.

Walau bagaimanapun, bagi Negeri Sarawak, pihak JKR Sarawak turut memaklumkan bahawa pihaknya hanya akan membuat penyambungan paip dari paip utama ke rumah-rumah penduduk/pengguna apabila pihak pengguna membuat permohonan dan telah diluluskan oleh pihak berkuasa air tempatan bagi mengelakkan kes kecurian air dan mengurangkan *Non- Revenue Water* (NRW). Kos penyambungan ini perlu ditanggung oleh pihak pengguna/pemohon dan pihak JKR Sarawak juga telah menyediakan skim bayaran secara ansuran bulanan bagi membiayai kos penyambungan meter yang akan dikreditkan di dalam bil bulanan pengguna bagi membantu pengguna yang kurang berkemampuan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK**
(SIK)

TARIKH **17.10.2011**

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan di bawah NKRA Kementerian Pelajaran, **SAPS (Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah** telah diperkenalkan , di bawah sistem yang berasaskan online ini guru-guru dikehendaki mengisi markah pencapaian murid untuk setiap kali peperiksaan diadakan (3 kali setahun). Pengenalan sistem ini tidak menarik balik sistem analisis yang telah ada di sekolah. Adakah Kementerian sedar sistem ini amat membebankan guru-guru yang sebenarnya telah pun terbeban itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) yang dibangunkan bertujuan untuk mengikuti perkembangan pencapaian atau prestasi setiap murid daripada awal persekolahan (Tahun 1) sehingga Tingkatan 5 supaya tindakan sewajarnya dapat diberikan dengan cepat mengikut keperluan murid tersebut. Selain itu, SAPS juga dapat memantau prestasi guru di seluruh negara secara berterusan.

Untuk makluman, surat siaran bertarikh 7 Jun 2011, telah dikeluarkan kepada semua JPN untuk memaklumkan bahawa SAPS ini merupakan “ One Stop Data Center” KPM, oleh itu sistem ini merupakan sistem analisis data yang perlu

Soalan No:

digunakan oleh pihak sekolah. Walau bagaimanapun, masih terdapat JPN, PPD dan sekolah yang meminta guru menggunakan sistem yang dibeli atau dibangunkan sendiri oleh pihak sekolah atau PPD atau JPN sehingga sekarang, kerana pihak JPN lebih selesa menggunakan sistem sedia ada. KPM memahami keadaan ini dan memberi tempoh masa sehingga penghujung tahun sebagai tempoh transisi kepada pihak sekolah, PPD dan JPN untuk beralih menggunakan SAPS sepenuhnya.

Selain itu, segala kelemahan mengenai aksesibiliti INTERNET dan pelaksanaan sistem itu sendiri sedang diperbaiki supaya sistem ini lebih lancar digunakan pada tahun hadapan. Bagi mengurangkan beban guru, telah diputuskan bahawa guru hanya perlu mengisi 2 kali setahun sahaja iaitu untuk Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun.

Rjm 26

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA
BELAS TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB TUAN WILLIAM @ NYALLAU
ANAK BADAQ**

(LUBOK ANTU)

SOALAN:14

TARIKH

17 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan mengapa sembilan (9) buah rumah panjang di kawasan berikut iaitu Titok, Berenggang, Gelong dan Rumah Egar Bukit Tungku yang mana kelulusannya telah diumumkan pada awal tahun lepas belum lagi bermula, sedangkan pihak SALCRA telah bersetuju membenarkan laluan untuk mendirikan tiang-tiang dan pemasangan pendawaian elektrik ke kawasan berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di sembilan (9) buah rumah panjang yang dinyatakan telah diluluskan untuk perlaksanaan pada tahun 2009. Bagaimanapun, pelaksanaan projek terpaksa ditangguhkan kerana masalah izin lalu daripada pihak SALCRA yang tidak membenarkan laluan kabel voltan tinggi melalui tanah milik mereka.

Persetujuan yang diberikan oleh SALCRA untuk memasuki tapak hanya selepas pampasan dibayar kepada pihak mereka bergantung pada bilangan pokok kelapa sawit yang terpaksa ditebang untuk laluan kabel voltan tinggi. Perkara ini masih di peringkat perbincangan di antara Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKA) dan pihak SALCRA.

Lanjutan dari itu, KKA hanya menyenaraikan pelaksanaan projek di Rh. Egar Bukit Tungku untuk pelaksanaan projek pada tahun 2011. Tarikh milik tapak telah bermula pada 4 Julai 2011 dan kontraktor yang dilantik kini sedang di peringkat akhir reka bentuk sebelum kerja-kerja ditapak bina dimulakan pada bulan November 2011.

Pelaksanaan projek BELB di lain-lain rumah panjang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat akan dimasukkan di dalam kontrak BELB tahun 2012 yang dijangka akan dimulakan pelaksanaannya pada bulan Mac 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

JAWAB LISAN

TARIKH

TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA 17

SOALAN

OKTOBER 2011 (ISNIN)

NO.14

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI
PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :

- a) kebenaran dakwaan peminjam PTPTN yang mengatakan bahawa, pinjaman PTPTN perlu diselesaikan dahulu sebelum pinjaman baru dikeluarkan bagi peminjam yang bertukar kursus pengajian; dan
- b) adakah mekanisma lain yang dicadangkan bagi memudahkan peminjam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Polisi pinjaman/pembiayaan PTPTN menetapkan bahawa penyambungan pinjaman/pembiayaan disebabkan pertukaran kursus hanya dibenarkan sekiranya pelajar tidak mengulang semester pengajian dan tidak menyebabkan kepada pertambahan tempoh pengajian serta memenuhi syarat

kelayakan masuk bagi kursus baru yang diluluskan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sehubungan itu, penyambungan pembiayaan pendidikan disebabkan pertukaran kursus tidak akan dipertimbangkan sekiranya peminjam gagal dalam peperiksaan atau pelajar perlu mengulang semester bagi mengikuti kursus baru. Peminjam dikehendaki untuk membuat bayaran balik ke atas semua jumlah pinjaman/pembiayaan yang telah diperolehi sepanjang tempoh pengajian bagi kursus terdahulu. Polisi ini adalah bagi memastikan peminjam mempunyai keperluan kewangan yang mencukupi untuk menamatkan pengajian bagi kursus yang baru.

- b) Setakat ini sebarang permohonan penyambungan pinjaman/pembiayaan adalah mengikut syarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pelajar yang terlibat dibenarkan untuk mengemukakan rayuan untuk pertimbangan PTPTN.

DARI PADA DATO' SERI ONG KA CHUAN

[TANJONG MALIM]

TARIKH 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) kemajuan pelaksanaan keseluruhan Program Transformasi Ekonomi (ETP) berbanding dengan perancangan asal; dan
- (b) impak pelaksanaan Entry Points Projects (EPP) ke atas ekonomi negara dari segi pelaburan asing, perwujudan peluang pekerjaan dan pendapatan negara kasar.

JAWAPAN (A)

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi Ekonomi atau *Economic Transformation Programme* (ETP) adalah satu usaha komprehensif yang akan mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Ia akan meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia dari lebih kurang AS\$6,700 atau RM23,700 pada 2009 ke lebih daripada AS\$15,000 atau RM48,000 pada 2020, dengan itu memacu kemajuan negara ke tahap yang sama dengan negara-negara berpendapatan tinggi yang lain. Perkembangan PNK sebanyak 6 peratus setahun akan membolehkan kita mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Wawasan 2020.

Sehingga September 2011, sebanyak 97 inisiatif telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri bagi 70 jenis *Entry Point Projects* (EPP). Daripada jumlah inisiatif tersebut, 53 peratus EPP telah berjaya dilaksanakan, RM 171 billion pelaburan yang akan dilaburkan, RM 228 billion PNK dapat dicapai pada 2020 dan 372,361 peluang pekerjaan dapat diwujudkan.

Hasil yang dapat dicapai sehingga Ogos 2011 adalah, *Market Capitalisation* di Bursa Malaysia telah mencapai 6 rekod tertinggi sepanjang 2011 buat pertama kali. Pada Ogos 2010, jumlah *Market Capitalisation* adalah RM 1.12 trillion. Sehingga 18 Ogos 2011, jumlah tersebut telah meningkat sebanyak 15 peratus kepada RM 1.29 trillion.

Dalam tempoh setengah tahun pertama, *Foreign Direct Investment* (FDI) dan dagangan di Malaysia juga telah melonjak dengan sangat tinggi. Kadar FDI bagi setengah tahun pertama 2010 adalah sebanyak RM 12.1 bilion dan ia telah melonjak sebanyak 110 peratus kepada RM 21.2 bilion pada

akhir Jun 2011. Jumlah dagangan pada setengah tahun pertama 2011 pula telah meningkat sebanyak 7.9 peratus menjadikan jumlah keseluruhannya RM 614.3 bilion berbanding RM 569.3 bilion pada setengah tahun pertama 2010.

Mengikut sumber yang dipetik daripada *Neilson Consumer Confidence Index*, tahap keyakinan pengguna kepada Malaysia juga semakin meningkat semenjak *first quarter* 2009 sehingga *second quarter* 2011. Ini dapat membuktikan bahawa program ETP dapat di terima dengan baik oleh rakyat Malaysia dan masyarakat dunia secara keseluruhannya.

JAWAPAN (B) :

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan keberkesanan ETP, ianya bergantung pada tindakan yang perlu dilakukan bukan hanya pada teori dan idea semata-mata. Antara tindakan yang dilakukan bagi memastikan ETP berjalan lancar adalah dengan mewujudkan 131 projek permulaan atau *Entry Point Projects* (EPP) yang menggariskan tindakan yang perlu diambil untuk mengembangkan ekonomi.

EPP dan peluang-peluang perniagaan lain yang dikenal pasti di bawah setiap NKEA adalah diasaskan daripada jumlah sumbangan mereka kepada PNK dan ianya ditentukan daripada analisis ekonomi dan kewangan yang teliti.

Semenjak Oktober 2011 hingga June 2011, EPP telah berjaya memberikan impak yang sangat besar ke atas ekonomi negara dari

pendapatan negara kasar, pelaburan asing dan perwujudan peluang pekerjaan. Hasilnya adalah seperti berikut:

- 1) Bagi pendapatan kasar negara, sebanyak RM 220 billion iaitu 13 peratus daripada *target* asal yang telah ditetapkan untuk dicapai pada 2020 iaitu sebanyak RM 1.7 trilion telah berjaya dicapai dalam tempoh yang sangat singkat.
- 2) Manakala bagi pelaburan asing pula, sebanyak 12 peratus daripada *target* 2020 iaitu RM 170 billion berbanding RM 1.4. trillion telah berjaya dicapai.
- 3) Peningkatan dalam PNK dan pelaburan asing telah berjaya meningkatkan perwujudan peluang pekerjaan di Malaysia. Sebanyak 362, 396 peluang pekerjaan iaitu 11 peratus daripada target asal 2020 iaitu sebanyak 3.3 juta telah berjaya diwujudkan sehingga June 2011.

Ini dapat membuktikan bahawa program ETP dan pelaksanaan EPP dapat mendatangkan hasil yang sangat lumayan kepada negara. Walau bagaimanapun, usaha harus dilipatgandakan bagi memberikan impak yang paling maksima kepada rakyat dan negara yang kita cintai ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG

[BAGAN]

TARIKH : 17 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos keseluruhan loji nuklear yang bakal diwujudkan pada 2021. Berapakah jumlah peruntukan untuk melantik syarikat perhubungan awam bagi mempromosikan dua buah loji nuklear di dalam negara, di mana tapaknya, siapa syarikat PR dan adakah tender terbuka dijalankan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai pelaksanaan projek pembinaan loji janakuasa nuklear. Aktiviti yang sedang dilaksanakan adalah hanya tertumpu kepada kajian-kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya sesuatu projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Tujuannya adalah

untuk memastikan bahawa, sekiranya penjana kuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan, semua aspek persediaan telah diambilkira secara terperinci dan komprehensif lebih awal.

Oleh itu, kos sebenar bagi loji-loji janakuasa nuklear berkenaan akan hanya diketahui selepas kajian-kajian terperinci tersebut siap dilaksanakan. Walau bagaimana pun, sebagai panduan, kos bagi dua buah loji janakuasa nuklear yang disebut dalam buku Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah 21 perpeuluhan 3 billion Ringgit Malaysia (RM 21.3 billion).

Tapak bagi loji janakuasa nuklear juga masih belum ditentukan, kerana perlu melaksanakan kajian-kajian terperinci yang merangkumi pelbagai aspek seperti yang disyorkan oleh garis panduan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan dengan mengambilkira peraturan dan amalan negara-negara maju yang lebih berpengalaman dalam hal ini.

Sebelum sesuatu negara dapat memutuskan mengenai pembinaan loji janakuasa nuklear, adalah wajar program pendidikan dan kesedaran awam mengenai tenaga nuklear khususnya untuk tujuan keamanan (*nuclear energy for peaceful purposes*) dimulakan daripada peringkat awal lagi dan dilaksanakan secara berterusan. Ia adalah bertujuan untuk mendidik dan memupuk kesedaran di masyarakat melalui penyebaran pengetahuan, maklumat serta fakta mengenai tenaga nuklear yang lebih tepat, sahih dan menyeluruh.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bersama-sama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan sedang merancang untuk melaksanakan program pendidikan dan kesedaran awam tersebut secara berpusat (*centralised*) agar ianya lebih bersifat menyeluruh dan komprehensif

dengan bantuan dan khidmat nasihat daripada pihak perunding yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang komunikasi nuklear.

Dari segi perolehan pula, Kerajaan berpandangan bahawa kaedah tender terbuka adalah kurang sesuai untuk dilaksanakan buat masa ini memandangkan kapasiti dan kepakaran pihak perunding yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang komunikasi nuklear khususnya di negara ini adalah agak terbatas dan terhad.

Jumlah keseluruhan peruntukan yang terlibat bagi tujuan perlantikan juruperunding untuk mempromosi pembinaan loji janakuasa nuklear di negara ini masih belum lagi dimuktamadkan. Walau bagaimanapun, sejumlah peruntukan sedia ada yang telah diluluskan sebelum ini akan digunakan sepenuhnya bagi menyokong pelaksanaannya.

K) 0-COALAI ^
W~W **MerA£M-**
irZ4

N©7-AtiP-»

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

TARIKH : 17 OKTOBER 2011

RUJUKAN : 4099

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah keberkesanan aplikasi "*mydistress*" yang diperkenalkan baru-baru ini dalam membantu mengurangkan kadar jenayah di negara ini serta berapakah jumlah respons yang diterima setakat ini dan berapakah jumlah tindakan yang telah diambil berbanding aduan yang diterima.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Paya Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Sistem *MyDistress* adalah merupakan satu aplikasi yang telah dilancarkan oleh Yang Di Hormati Dato' Hj Tun Hisan bin Dato' Hj Tun Hamzah, Ketua Polis Selangor pada 24 Ogos 2011. Sistem ini merupakan *pilot project* yang telah dibiayai sepenuhnya oleh sebuah syarikat tempatan dibawah inisiatif *Coporate Social Responsibility* (CRS) dan merupakan inisiatif tambahan kepada perkhidmatan lain yang sedia ada seperti Rakan Cop. Sistem ini dikhaskan untuk pengguna - pengguna telefon bimbit jenis Smart

Phone dan telah pun mula dipasang di Pusat Kawalan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Selangor pada bulan Mac 2011.

Selain itu, sebanyak lapan (8) IPD Hot Spots di Selangor manakala baki enam (6) IPD lain turut dipantau oleh Pusat Kawalan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Selangor. Sebanyak lima puluh (50) alat GPS jenama Garmin telah dipasang di lima puluh (50) buah Unit Kereta Peronda (MPV) polis bagi memudahkan anggota polis untuk ke lokasi pengguna dengan lebih tepat.

Semenjak pelancaran sistem MyDistress, seramai 34,600 pengguna berdaftar telah dicatatkan sehingga 20 September 2011. Statistik yang dikumpul menunjukkan sebanyak tujuh (7) *Distress Call* telah dibuat oleh pengguna membabitkan satu (1) kes cermin kereta dipecah, tiga (3) kes kemalangan jalanraya termasuk dikawasan Kontinjen Kuala Lumpur, satu (1) kes pertengkaran mulut, satu (1) kes cubaan samun dan satu (1) kes membuat pertanyaan kepada anggota kereta peronda. Kesemua tujuh (7) panggilan ini telah diambil tindakan oleh anggota polis yang bertugas.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH)

TARIKH

: 17 OKTOBER 2011

SOALAN

TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jenis-jenis racun kimia yang digunakan dalam penanaman padi. Berapakah jumlah penggunaan, pengeluaran dan import racun kimia dalam industri penanaman padi. Apakah risiko dan penyakit yang dihadapi oleh penanaman padi yang menggunakan racun kimia.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat beberapa jenis racun perosak yang digunakan dalam penanaman padi di Malaysia bagi mengawal pelbagai jenis perosak tanaman padi. Racun perosak tersebut terdiri daripada racun serangga, racun rumpai, racun kulat, racun tikus dan racun siput.

Bantuan racun makhluk perosak diperkenalkan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) oleh Kerajaan pada September 2008 iaitu pada kadar maksimum RM200 sehektar. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak

RM394.3 juta bagi tempoh 2008 sehingga 2010. Pemberian bantuan ini diteruskan pada tahun 2011. Di bawah program tersebut, pesawah boleh memilih kombinasi racun daripada senarai 32 jenis racun makhluk perosak yang disediakan oleh Kerajaan. Bagi tahun 2008, sebanyak 1.238 juta liter racun telah dibekalkan kepada petani manakala bagi tahun 2009 dan 2010 masing-masing sebanyak 1.847 juta liter dan 2.002 juta liter telah dibekalkan.

Semua racun perosak yang didaftarkan dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak, termasuk di dalam penanaman padi, adalah selamat digunakan jika petani mematuhi arahan-arahan yang terdapat pada label dan mematuhi panduan membancuh, menyembur dan pemakaian pakaian pelindung. Di samping itu adalah juga penting bagi petani mematuhi 'tempoh larangan mengutip hasil' bagi mengelakkan masalah *residue* racun perosak berlebihan dan juga 'tempoh larangan masuk semula kawasan yang telah dirawat' bagi mengelakkan pendedahan kepada racun perosak. Selain daripada itu arahan-arahan lain yang tercatat pada label mestilah juga dipatuhi seperti tatacara pelupusan bekas racun, serta memahami batasan-batasan penggunaan dan langkah keselamatan yang perlu diambil oleh petani.

SOALAN NO : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL

[LABUAN]

TARIKH 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN 19

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha kementerian di dalam membendung pertumbuhan populasi pelarian IMM 13 yang mana jumlah mereka semakin bertambah disebabkan peratus kelahiran yang tinggi dan tidak terkawal.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, kerajaan tidak mempunyai dasar khusus bagi mengawal kadar kelahiran penduduk di negeri ini termasuk kadar kelahiran di kalangan masyarakat pelarian di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Namun begitu, melalui majlis-majlis penerangan umum yang di adakan kepada golongan ini turut menekankan tentang aspek penjagaan kesihatan keluarga bahagai.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]
TARIKH 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci jumlah bilangan kakitangan awam termasuk Pasukan Tentera dan Polis satu demi satu mengikut Kementerian dan jumlah gaji, elaun & emolumen sebenar yang ditanggung oleh pihak Kerajaan

Persekutuan pada tahun ini.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah sebanyak 1,458,311 perjawatan manakala pengisian adalah sebanyak 1,281,954, termasuk pasukan polis dan tentera.

Secara keseluruhannya jumlah gaji, elaun dan emolumen yang ditanggung oleh pihak Kerajaan Persekutuan (tidak termasuk Polis dan Tentera) adalah sebanyak RM32.11 billion.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

**DARIPADA
ANYAAN**

**PE
RT**

**LISA
N**

**YB. Dato' Sri Haji Zulhasnan bin
Rafique
[Setiawangsa]**

TARIKH

17.10.2011 (Isnin)

NO. SOALAN

-ZSS>I

**YB. Dato¹ Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa]
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA
DAN INDUSTRI menyatakan jumlah dan lokasi Taman
Industri Halal status Halal Malaysia (HALALMAS) dan Taman
Halal PKS yang telah diwujudkan serta jumlah pelaburan ke
arahnya sejak tahun 2005 hingga kini; dan sejauh manakah
keberkesannya di dalam pembangunan industri halal negara.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Taman-taman Halal telah mula di bangunkan sejak 2005 di Selangor Halal Hub, kemudian di Serkam, Melaka dan Pedas, Negeri Sembilan. Taman-taman halal dibangunkan atas inisiatif Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan Persekutuan dan pihak swasta. Dalam pembentangan Bajet 2006, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM65 juta untuk membangunkan Taman-taman Halal di Pasir Mas Kelantan, Chendering Terengganu, Gambang Pahang, Sungai Petani Kedah dan Padang Besar Perlis.

Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC) telah menyediakan panduan pembangunan Taman Halal untuk memastikan pembangunan taman-taman halal diselaraskan dan mematuhi kriteria yang ditetapkan. HDC telah mengeluarkan status HALMAS (Halal Malaysia) kepada Taman-taman Halal yang telah mematuhi kriteria di samping membantu dalam promosi dan pemasaran taman-taman halal.

Sehingga kini, sejumlah 20 Taman Halal telah berjaya diwujudkan di seluruh Malaysia dan dimiliki oleh Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan Persekutuan atau pihak swasta. Taman-taman ini berada dalam pelbagai peringkat pembangunan dan pada ketika ini 9 buah taman halal telahpun beroperasi iaitu:

- (1) Selangor Halal Hub, Pulau Indah, Selangor;**
- (2) PKFZ Halal Flagship Zone, Pulau Indah, Selangor**
- (3) Melaka Halal Hub, Serkam;**
- (4) Tanjung Manis Halal Hub, Sarawak;**
- (5) Techpark@enstek, Nilai, Negeri Sembilan;**
- (6) Penang International Halal Hub;**
- (7) Palm Oil Industry Cluster (POIC), Lahad Datu, Sabah ;**
- (8) Pengkalan Chepa Halal Food Park, Kelantan; dan**
- (9) Pedas Halal Park, Negeri Sembilan.**

Daripada jumlah tersebut, 7 buah (kecuali Pengkalan Chepa dan Pedas) telah mendapat status HALMAS.

Taman Halal Pasir Mas, Kelantan dan Gambang, Pahang akan dinaik taraf kepada status HALMAS di

bawah program pembangunan ECER pada tahun ini.

Dua buah taman Halal baru iaitu *Labuan Halal Distributive Hub* dan Taman Halal Chendering, Terengganu dijangka beroperasi pada akhir tahun ini.

HDC telah juga menyediakan pakej insentif untuk operator Taman Halal, operator logistik halal dan pengusaha industri halal yang beroperasi dalam Taman- Taman Halal tersebut. Hanya taman-taman Halal yang mempunyai Status HALMAS (Halal Malaysia) layak untuk menikmati pakej insentif yang disediakan.

Bagi tujuan penyelarasan, HDC telah membahagikan taman-taman Halal kepada dua kategori utama iaitu Taman Halal berstatus HALMAS dan Taman Halal Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Taman halal berstatus HALMAS memiliki saiz berkeluasan 100 ekar ke atas dan menepati kriteria yang telah ditetapkan.

Taman Halal yang dikhususkan kepada PKS pula adalah bersaiz kecil dan berkeluasan kurang daripada 100 ekar. Antaranya termasuklah Pengkalan Chepa

Halal Food Park, Kelantan, Taman Halal Chendering Terengganu, Taman Halal Padang Besar Perlis dan Taman Halal Sungai Petani Kedah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, jika dilihat dari potensi sebenar, Taman-taman Halal ini telah berjaya menarik pelaburan dari dalam dan luar negara.

Sehingga Ogos 2011, sejumlah 100 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM6 bilion, ia turut menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir 3,000 orang pekerja di pelbagai peringkat.

Pelabur-pelabur luar negara yang telahpun melabur di Taman-Taman Halal ini termasuk daripada negara Jepun, Perancis, Australia, Rusia, Chinese Taipei, Amerika Syarikat dan Pakistan.

Di antara syarikat-syarikat multinasional yang turut melabur di Taman-Taman Halal ini termasuklah syarikat-syarikat antarabangsa yang terkemuka seperti Cargill, Oleon, F&N, Coca-Cola, Nestle dan lain-lain.

Pada masa yang sama, terdapat sejumlah 52 syarikat tempatan yang sedang beroperasi di Taman-Taman Halal berkenaan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH : 17 OKTOBER 2011

SOALAN:

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

- (a) apakah keputusan penyiasatan SUHAKAM terhadap 800 kes aduan Tanah Adat Natif (NCR) di Sabah; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk melindungi kepentingan Hak-hak serta Tanah Adat Natif (NCR) di Sabah memandangkan ramai orang natif telah kehilangan tanah mereka kepada syarikat-syarikat besar.

Tuan Yang di Pertua,

JAWAPAN:
(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri.

Dari tahun 2002 hingga 2010, SUHAKAM Sabah telah merekodkan 824 aduan berkaitan Hak Tanah Adat Anak Negeri (*Native Customary Rights Land - NCR*). Dari jumlah tersebut, hanya 784 aduan mempunyai maklumat yang lengkap. Aduan tersebut dikategorikan mengikut isu supaya susulan boleh dibuat dengan Agensi Kerajaan atau badan berkanun yang berkenaan, iaitu seperti berikut:-

Aduan	Jumlah
Pemprosesan permohonan tanah dan pengeluaran geran, dan lain-lain (Jabatan Tanah dan Ukur Sabah)	632
Pengambilan Tanah/ <i>Land Acquisition</i> (Jabatan Tanah dan Ukur Sabah)	53
Tanah NCR termasuk dalam kawasan yang digazet sebagai hutan simpan (Jabatan Perhutanan Sabah)	63
Tanah NCR termasuk dalam kawasan yang digazet kepada SAFODA (<i>Sabah Forest Development Authority</i>)	23

Tanah NCR termasuk dalam kawasan yang diberikan kepada LIGS/Agropolitan yang diusahakan oleh LIGS (<i>Lembaga Industri Getah Sabah</i>)	6
Tanah NCR termasuk dalam kawasan SFI (<i>Sabah Forest Industries</i>)	3
Tanah NCR termasuk dalam kawasan yang digazet kepada SLDB (<i>Sabah Land Development Board</i>)	3
Tanah NCR termasuk dalam kawasan yang digazet kepada Jabatan Parit dan Saliran	1
JUMLAH	784

SUHAKAM Sabah telah menganjurkan beberapa dialog dengan Jabatan Tanah dan Ukur Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan dan telah membuat lawatan ke beberapa buah kampung untuk merekod kenyataan dan menyiasat beberapa aduan yang telah diterima. Pada masa ini, Pejabat SUHAKAM Sabah sedang memperolehi data berkaitan status aduan-aduan yang telah diterima. Hampir semua aduan berkaitan tanah mengambil masa yang lama untuk mencari penyelesaian kerana ia rumit dan tidak dapat memuaskan kehendak semua pengadu. Sebagai contoh, pada tahun 2010 SUHAKAM telah menerima 92 aduan tetapi hanya dapat menyelesaikan 9 kes.

Oleh yang demikian, SUHAKAM telah memutuskan untuk menjalankan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal yang merangkumi seluruh Malaysia supaya isu-isu tanah Orang Asal dapat diteliti dengan lebih mendalam dan sistematik. Kajian ini telah bermula pada Januari 2011 dan dijangka selesai pada Jun 2012.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Perlembagaan Persekutuan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri. Justeru itu, urusan berkaitan Tanah Hak Ikut Adat Anak Negeri (NCR) adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Pada masa ini, Kerajaan Negeri Sabah telah pun mewujudkan kaedah pemberimilikan tanah yang baharu, iaitu melalui Pemberimilikan Tanah Terancang *Fast Track* untuk pengeluaran Geran Komunal sebagai inisiatif baru dalam menangani isu-isu tanah NCR di Sabah. Namun begitu, semua Geran Komunal yang telah dikeluarkan belum dijalankan pengukuran tanah kerana memerlukan peruntukan yang besar untuk menyiapkan pengukuran kawasan yang terlibat.

Kerajaan Persekutuan memang sentiasa membantu dan menyokong usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi menangani isu tanah NCR. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan telah mempertimbangkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri Sabah sebanyak RM25,703,600 bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja pengukuran tanah untuk pengeluaran geran komunal, penubuhan Unit Khas Anak Negeri dan penubuhan pangkalan data pemilikan tanah NCR. Pada tahun ini, sejumlah RM5,720,000.00 telah diperuntukkan bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut.

Kerja-kerja mengukur tanah NCR akan dilaksanakan dalam 2 fasa. Fasa pertama adalah mengukur dan menggazet parameter kawasan tanah NCR serta penandaan sempadan tanah NCR. Fasa kedua pula melibatkan pengukuran hak milik individu berdasarkan keputusan bersama ketua-ketua kaum yang terlibat. Sehingga akhir Julai 2011, sebanyak 55 Geran Komunal melibatkan keluasan 34,300.40 hektar yang meliputi 8 daerah serta melibatkan seramai 7,797 orang peserta

telah pun dikeluarkan. Di samping kawasan yang telah dikeluarkan Geran Komunal, terdapat 13 kawasan lagi melibatkan keluasan 34,089.07 hektar yang sedang diproses bagi pengeluaran Geran Komunal yang mana keseluruhannya melibatkan keluasan 68,389.47 hektar. Dengan pengeluaran hakmilik dan penentuan sempadan, maka hak-hak pemilikan tanah NCR adalah dijamin oleh undang-undang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN LIANG TECK MENG

[SIMPANG RENGAM]

TARIKH

17 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menghentikan penerimaan SMS komersial yang tidak diingini oleh pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

SOALAN NO: 74

memperuntukkan bahawa setiap perkhidmatan langganan melalui SMS mesti menggunakan kata kunci “ON”, “REG”, “REGISTER” atau “DAFTAR” diikuti dengan kata perkhidmatan, seperti “on video”. Sekiranya pengguna menghantar SMS yang bermula dengan kata-kata kunci tersebut, ia merupakan tindakan untuk melanggan perkhidmatan.

SOALAN NO: 23

Pengguna boleh menghentikan atau menamatkan langganan ini dengan menghantar “STOP+ kata kekunci”, “BATAL+kata kekunci”, “STOP ALL” atau “BATAL SEMUA” kepada kod ringkas yang terlibat. Pengguna juga boleh menghubungi Pemberi Kandungan atau, dengan izin, *Content Provider* (CP) yang berkenaan melalui telefon, faks dan sebagainya untuk menamatkan perkhidmatan. Selepas menerima arahan penamatan daripada pengguna, CP mesti menamatkan perkhidmatan tersebut. Kegagalan CP untuk berbuat demikian akan menjadi satu kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM98).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab konsesi penjana kuasa bebas yang baru seperti loji 1000MW di Tanjung Bin tidak ditawarkan secara tender terbuka. Apakah tarif elektrik dan formula penentuan bayaran yang akan dikenakan kepada Tenaga

NO. SOALAN : 24

Nasional Berhad, termasuk syarat-syarat lain seperti jangka masa konsesi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek loji jana kuasa berkapasiti 1.000MW di Tg Bin, Johor telah dianugerahkan kepada Transpool, sebuah *special purpose vehicle* (SPV), dengan izin, kepada Tanjung Bin Power (TBP), melalui proses tender terhad. Proses tender terhad ini telah disertai oleh Jimah Energy Ventures (JEV) dan Tanjung Bin Power (TBP).

Projek ini telah dilaksanakan secara tender terhad di tapak *brownfield*, dengan izin, kerana ia perlu disiapkan dalam tempoh masa yang singkat dan beroperasi mulai tahun 2016. Memandangkan terdapat tiga sahaja loji jana kuasa arang batu yang sedang beroperasi di Semenanjung pada masa ini yang boleh dipertimbangkan, pembinaan loji jana kuasa ini telah dilaksanakan secara tender terhad.

Pembinaan loji jana kuasa arang batu dengan kapasiti 1.000MW yang telah ditawarkan terus kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk beroperasi mulai tahun 2015 adalah bagi memastikan Semenanjung mempunyai bekalan elektrik yang mencukupi dalam tempoh operasi. Manakala pembinaan unit kedua pula telah ditawarkan melalui proses tender terhadap kepada baki pemilik loji jana kuasa arang batu yang sedang beroperasi pada masa ini, iaitu, Jimah Energy Ventures dan Tanjung Bin Power.

Rundingan Perjanjian Pembelian Tenaga atau *Power Purchase Agreement* (PPA), dengan izin, sedang diterajui oleh Suruhanjaya Tenaga, sebagai badan kawal selia industri bekalan elektrik, yang juga telah melaksanakan proses tender terhadap ini. Kadar tarif serta tempoh konsesi sedang dimuktamadkan oleh pihak Suruhanjaya Tenaga dan dijangka akan diselesaikan pada penghujung tahun 2011.

--2S'
NO.A-UM.H

NO.AUP~:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISA
N

DARIPADA DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]

TARIKH 17 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4094

SOALAN:

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan selanjutnya mengenai video seks mirip ketua pembangkang yang disahkan tulen oleh pakar forensik tempatan, Korea Selatan dan Amerika Syarikat. Apakah Kerajaan bercadang untuk mendakwa ketua pembangkang kerana membuat laporan palsu mengenai video seks tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, satu laporan polis telah dibuat bagi membolehkan siasatan dimulakan terhadap Ketua Pembangkang kerana disyaki tidak memberikan maklumat yang benar berhubung identitinya dalam video tersebut. Kertas Siasatan mengenai perkara ini telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara dan pihak Polis buat masa kini sedang menunggu arahan lanjut dari Jabatan Peguam Negara.

No. Soalan: [26] PR-

1243-L46966

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : JAWAB LISAN

YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)

DARIPADA

TARIKH 17 OKTOBER 2011

SOALAN : YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
(KOTA BELUD) minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan status terkini perundingan dengan
Indonesia mengenai Ambalat. Apakah tahap
kerjasama yang diberikan oleh Indonesia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Belud atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sukacita saya memaklumkan bahawa Malaysia tidak menggunakan istilah Ambalat bagi merujuk kawasan yang menjadi pertikaian di antara Malaysia dan Indonesia tersebut. Istilah yang digunakan oleh Malaysia adalah Laut Sulawesi.

3. Dalam hal ini, saya juga ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kedua-dua negara telah berbincang mengenai pembatasan sempadan maritim di Laut Sulawesi semenjak Mac 2005 secara berkala dan masih diteruskan.

4. Setakat ini, 19 mesyuarat teknikal telah diadakan. Perbincangan-perbincangan yang diadakan menyentuh aspek undang-undang dan teknikal berkaitan pembatasan sempadan maritim. Justeru, perbincangan dan rundingan adalah sesuatu yang rumit dan memerlukan penelitian pada setiap tahap perbincangan dan rundingan. Oleh yang demikian, memang rundingan memakan masa dan kesabaran kedua-dua belah pihak adalah amat perlu bagi memastikan

penyelesaian yang tercapai merupakan penyelesaian yang saksama. Mesyuarat Teknikal Ke - 20 akan diadakan pada pertengahan bulan Oktober 2011.

5. Perkembangan perundingan di dalam Mesyuarat Teknikal diberi perhatian dan dibincangkan di peringkat Menteri Luar Negeri di bawah kerangka, dengan izin, *Joint Cooperation for Bilateral Cooperation* (JCBC) dan juga di dalam Perundingan Tahunan (*Annual Consultations*) di antara YAB Perdana Menteri dan Presiden Indonesia.

6. Kedua-dua pihak berpandangan bahawa langkah terbaik bagi mencapai penyelesaian yang saksama dalam isu had sempadan maritim antara Malaysia dan Indonesia di Laut Sulawesi ialah melalui perbincangan dan rundingan dua hala. Dalam hubungan ini, kedua-dua negara adalah komited kepada rundingan dua hala ini dan yakin satu penyelesaian yang saksama akan dapat diperolehi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

	<u>DEWAN RAKYAT. MALAYSIA</u>	
PERTANYAAN	LISAN	
DARIPADA	DATUK WIRA	AHMAD HAJI
	HAMZAH	
KAWASAN	JASIN	
TARIKH NO.	17.10.2011 (Isnin)	
SOALAN		

minta MENTERI PERDAGANGAN ANT ARAB ANGS A DAN INDUSTRI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan polisi yang bertujuan untuk mengawal penjualan atau pembelian syarikat yang bergiat dalam bidang strategik negara agar tidak terlepas ke tangan syarikat asing, seperti pengambilan Exxon Mobil oleh San Miguel.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan polisi untuk mengawal penjualan atau pembelian syarikat perkilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 kerana ia bercanggah dengan polisi semasa untuk menarik pelabur asing. Berkuatkuasa pada 17 Jun 2003, Kerajaan telah meliberalisasikan polisi pemilikan ekuiti dan syarat eksport bagi sektor perkilangan di Malaysia yang mana polisi ini membenarkan pemilikan 100% pelabur asing bagi pelaburan baru dan juga pelaburan tambahan dalam projek pembesaran syarikat wujud.

Tujuan polisi ini dilaksanakan adalah untuk menggalakkan pelabur asing sedia ada dan yang berpotensi untuk melabur di Malaysia. Dalam tempoh 2003 sehingga Julai 2011, jumlah pelaburan asing (FDI) yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan adalah sebanyak RM213.3 bilion yang memberi kesan positif kepada ekonomi negara seperti berikut:

menyumbang kepada transformasi sektor perkilangan kepada industri berteknologi tinggi; memperolehi imbalan pembayaran melalui perdagangan, perkhidmatan dan akaun modal; mewujudkan peluang pekerjaan daripada projek-projek pelaburan yang dilaksanakan serta meningkatkan kemahiran sumber manusia tempatan; membangunkan industri-industri sampingan serta perkhidmatan; meningkatkan produktiviti nasional secara positif; menggalakkan pembangunan kawasan-kawasan perbandaran yang baru; meningkatkan perkongsian yang lebih berkesan di antara pemegang saham yang mempunyai kepakaran untuk membangunkan usahawan rakyat tempatan yang berdaya saing; meningkatkan kesan limpahan secara tidak langsung termasuk pemindahan teknologi dan kepakaran syarikat; dan meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) domestik.

**NO. SOALAN :
28**

**PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT
DARIPADA**

**LISA
N DATO' KAMARUDIN BIN
JAFFAR**

[TUMPAT]

TARIKH 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN 28

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta PERDANA MENTERI
menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan
ekoran kajian oleh Merdeka Centre pada Ogos 2011 bahawa Perdana
Menteri sekarang kurang popular kerana isu inflasi dan BERSIH.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kajian bagi mengukur sokongan kepada Perdana Menteri dan kerajaan sering dilakukan oleh pelbagai pihak termasuk Merdeka Centre. Kerajaan sentiasa mengambil maklum pandangan atau maklum balas yang diterima. Ini sejajar dengan gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, di mana kerajaan mengambil kira segala pandangan dalam pembikinan dasar atau program serta dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: ^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM
BIN
OSMAN
[LIPIS]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah-langkah susulan yang perlu diambil oleh Kerajaan Pusat sekiranya Kerajaan Selangor masih gagal memberikan kelulusan kepada projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 yang merupakan elemen penting kepada Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memenuhi peningkatan permintaan bekalan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga tahun 2025. Skim penyaluran air mentah ini terbahagi kepada dua projek utama iaitu pelaksanaan Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor (PPAMPS) dan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan (LRAL2). Berdasarkan jadual asal, pelaksanaan skim ini dijangka siap pada tahun 2014 bagi menampung defisit bekalan air yang dijangka mula berlaku pada tahun tersebut.

Sehingga akhir 30 September 2011, Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor berjalan seperti yang dijadualkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan telah tertangguh dan mengalami kelewatan berikutan keputusan Kerajaan Negeri Selangor membekukan kelulusan projek tersebut.

Kerajaan Negeri Selangor hanya bersetuju untuk mengeluarkan kelulusan pembangunan tanah sehingga penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor dimuktamadkan mengikut pendekatan, terma dan

syarat yang ditentukan oleh kerajaan negeri.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), setakat Julai 2011, kapasiti bekalan air di negeri Selangor adalah sebanyak 4,326 juta liter sehari (JLH) manakala permintaan pula adalah berjumlah 4,122 JLH. Situasi ini menjadikan rizab kapasiti bekalan air negeri Selangor pada tahap yang sangat tipis iaitu 4.7% sahaja berbanding dengan amalan terbaik pada tahap di antara 15% - 20%. Rizab ini akan berkurangan sehingga menjadi defisit iaitu -1.2% pada tahun 2013 disebabkan oleh permintaan bekalan air yang semakin meningkat. Rizab yang tipis ini akan mendedahkan negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya kepada krisis kekurangan air jika tidak ditangani segera.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak terdedah kepada krisis bekalan air kelak, Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan program mitigasi jangka pendek bagi meningkatkan kapasiti bekalan air tambahan sebanyak 130 JLH. Walau bagaimanapun,

pelaksanaan projek-projek ini sebenarnya masih tidak dapat menampung sepenuhnya permintaan bekalan air pada tahun 2014. Projek Loji Rawatan Air Langat 2 masih perlu dilaksanakan dengan segera supaya dapat menampung permintaan tersebut sehingga tahun 2025.

Oleh itu, demi kepentingan rakyat di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, besarlah harapan saya agar Kerajaan Negeri Selangor tidak terus mengaitkan dan menjadikan isu penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air sebagai barang tawaran kepada pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2. Kelulusan segera terhadap semua permohonan yang berkaitan adalah tindakan murni yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan projek tersebut dapat dilaksanakan seperti yang dirancang demi kesejahteraan penduduk di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

oleh

PERTANYAAN

Malaysian Independent Chinese Sedondary Schools (MICSS) Unified Examination Board, yang dikawal selia oleh sebuah badan pengawal peperiksaan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Bahasa pengantar yang diguna pakai di MICSS ialah Bahasa Mandarin. Justeru, sistem pengajaran dan pembelajaran MICSS tidak mematuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Namun begitu, pada masa ini KPT telah mengambil inisitif untuk mengkaji mekanisme bagimembolehkan pelajar lulusan UEC diterima masuk ke IPTA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Februari 2011, terdapat seramai 6,997 pelajar antarabangsa peringkat pengajian Sarjana Muda yang sedang menuntut di IPTA tempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELUK KEMANG)
TARIKH	17.10.2011 (ISNIN)

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- (a) rasional cadangan Kerajaan sering menukar kegunaan pesawat pejuang bermula dengan Nortrop F5 kepada Skyhawk A4 (kedua-duanya buatan Amerika) dan akhir sekali kepada MIG (Rusia); dan**
- (b) sekarang merancang membeli pesawat baru pula dari Rusia**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan Kerajaan menambah atau menggantikan pesawat sedia ada TUDM adalah selaras dengan keperluan semasa dan perkembangan teknologi moden yang berkembang dari masa ke semasa. Ini adalah penting untuk mengurangkan jurang perbezaan keupayaan atau teknologi pesawat TUDM bagi menghadapi senario dan perkembangan ancaman serantau.

Buat masa ini Kementerian tiada perancangan untuk membeli pesawat baru dari Rusia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN Y.B. TUAN KULASEGARAN *A/L* MURUGESON (IPOH BARAT)

DARIPADA 17.10.2011

TARIKH

SOALAN: Y.B. TUAN KULASEGARAN *A/L* MURUGESON [IPOH BARAT] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan amaun wang yang dijangka dan telah dibelanjakan untuk setiap murid setiap bulan untuk Sekolah Kebangsaan Cina dan Tamil dibawah rancangan Malaysia ke 9 dan ke 10. Sila nyatakan rasional perbezaan perbelanjaan ini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Kesepuluh (RMKe-10) mengikut kategori sekolah iaitu SJK(C) dan SJK(T) adalah seperti berikut:

Belanja Mengurus :

Kategori Sekolah	RMKe-9 (RM)	RMKe-10 (RM)
SJK(C)	6,457,080,807	1,716,393,676
SJK(T)	2,481,674,380	584,382,340

Perbezaan antara peruntukan bagi kedua-dua kategori sekolah ini adalah bergantung kepada bilangan guru dan murid di setiap sekolah yang berkenaan dan juga gred sekolah tersebut.

Rjm 27

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]**

TARIKH 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah Kerajaan Malaysia menganggap Mat Indera, ketua kumpulan yang menyerang stesen polis di Bukit Kepong, Johor sebagai wira nasionalis Melayu ataupun pejuang kemerdekaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini juga berpendapat persoalan sama ada seorang rakyat Malaysia bernama Mat Indera merupakan seorang pejuang

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
kemerdekaan atau pengkhianat bangsa adalah lebih baik diselesaikan oleh para pengkaji dan penganalisa sejarah untuk membuat kesimpulan berdasarkan maklumat-maklumat dan fakta-fakta secara akademik.

Kementerian ini melalui Jabatan Arkib Negara Malaysia bersedia memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat yang ada di dalam simpanannya untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan bukti sahih dalam usaha menulis semula sejarah negara seandainya diperlukan. Selain daripada rekod-rekod rasmi, Arkib Negara juga menyimpan koleksi rakaman sejarah lisan yang dilaksanakan melalui sesi temu bual dan wawancara dengan tokoh-tokoh negara dari pelbagai bidang dan latar belakang pelbagai aspek sejarah negara.

soalan : M NO-

AUM : 10

NOrAtiF-:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 17 OKTOBER 2011

RUJUKAN : 4295

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah hasil laporan berkenaan tembakan 3 remaja di Glenmarie iaitu Syamil Hafiz Shafie, Mohd Khairul Nizam Tuah dan Mohd Hanafi Omar serta apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab untuk kematian mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis telah menjalankan siasatan di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan berhubung perkara tersebut. Kertas siasatan juga telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dan arahan untuk melengkapkan kertas siasatan telah diberikan. Hasil siasatan mendapati pihak polis yang melepaskan tembakan ke atas 3 remaja di dalam kejadian tersebut adalah mengikut lunas undang-undang negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN :

**DARIPADA DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]**

TARIKH 17 OKTOBER 2011

RUJUKAN :

4100

SOALAN:

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap golongan yang telah mencetuskan provokasi kaum dan agama di negara ini serta apakah cadangan Kerajaan bagi mengekang masalah tersebut dari terus berlarutan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Nerus mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan memandang serius serta tidak teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan di bawah peruntukkan undang-undang sedia ada untuk membanteras sebarang bentuk kegiatan yang cuba dicetuskan oleh mana-mana pihak yang mencetuskan provokasi kaum dan agama di negara ini sehingga menggugat keselamatan awam dan keharmonian antara kaum. Dalam hal ini, Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa membuat pemantauan ke atas sebarang aktiviti yang boleh menjurus kepada isu ini seterusnya mengekang masalah ini daripada terus berlarutan hingga boleh menyebabkan ketakutan dan kegusaran rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam hal ini, saya ingin menasihatkan semua pihak agar sentiasa berhati-hati di dalam mengeluarkan sesuatu pernyataan terutama sekali yang menyentuh perkara-perkara sensitif yang boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
KAWASAN	PULA
TARIKH	17.10.2011 (
NO. SOALAN	ISNIN) 36

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan status perundingan perdagangan dua hala Malaysia dan Kesatuan Eropah. Jelaskan kesan perjanjian baru ini kepada negara terutamanya dari segi pembukaan peluang kepada syarikat asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini sebanyak empat pusingan Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas di antara Malaysia dengan Kesatuan Eropah atau MEUFTA telah diadakan. Pusingan keempat rundingan MEUFTA telah berlangsung di Kuala Lumpur dari 12 hingga 15 Julai 2011, dan pusingan seterusnya (iaitu pusingan kelima rundingan) akan diadakan di Brussels dari 18 hingga 21 Oktober 2011. Pusingan rundingan keenam dijangka akan diadakan di Kuala Lumpur pada 7 hingga 10 Februari 2012.

Rundingan MEUFTA merangkumi antara lainnya bab-bab Perdagangan Barangan, Perdagangan Perkhidmatan dan Pelaburan, Kastam and Fasilitasi Perdagangan, Peraturan Tempasal, Remedi Perdagangan, Dasar Persaingan, Hak Harta Intelek dan Perolehan Kerajaan. Kesemua kumpulan kerja telah memulakan rundingan ke atas teks perjanjian. Walau bagaimanapun, rundingan ke atas proses liberalisasi bagi bab-bab yang berkaitan masih berada di peringkat awal.

Tuan Yang Di Pertua,

Kesatuan Eropah atau EU merupakan rakan dagang Malaysia yang keempat terbesar. Jumlah perdagangan duahala Malaysia dengan EU pada tahun 2010 berjumlah RM122.85 bilion dengan kadar eksport meningkat dari tahun 2009 sebanyak 14.3 peratus kepada RM68.7 bilion sementara import meningkat sebanyak 10.8 peratus kepada RM54.2 billion. Dari segi pelaburan langsung asing di Malaysia, EU merupakan sumber pelaburan asing yang terbesar di Malaysia dengan nilai pelaburan berjumlah RM4.2 bilion pada tahun 2010. Dalam usaha untuk menggalakkan pelaburan, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah bagi menambahbaik persekitaran perniagaan seperti pakej ransangan, insentif, deregulasi Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing, meningkatkan fasilitasi perniagaan, promosi pelaburan dan

sebagainya. FTA merupakan salah satu cara untuk menarik pelabur-pelabur atau syarikat-syarikat asing ke Malaysia melalui ciri-ciri ketelusan dan *predictability*, dengan izin, yang dirundingkan dan diterapkan di dalam perjanjian. Dengan peningkatan ketelusan dan *predictability*, dengan izin, ianya akan memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur dalam membuat keputusan untuk melabur di negara ini. Ini secara tidak langsung dapat menggalakkan serta menjana pelaburan bagi Malaysia, terutamanya pelaburan berimpak tinggi.

FTA dengan EU bakal membuka peluang pekerjaan yang luas kepada negara terutamanya bagi pekerja berkemahiran tinggi berikutan jangkaan peningkatan terhadap aktiviti berimpak tinggi.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
[PASIR PUTEH]

TARIKH : 17 OKTOBER 2011

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI

JAWAPAN:

SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah berjaga-jaga yang diambil bagi menjaga alam sekitar khususnya pencemaran udara dalam menghadapi pertambahan mendadak kenderaan motor di jalan raya sekarang.
Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani masalah pencemaran udara yang berpunca daripada peningkatan kenderaan bermotor di jalan raya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah merangka beberapa strategi dan tindakan. Antara strategi dan tindakan yang digariskan dalam Pelan Tindakan Udara Bersih JAS adalah:-

- i) Memperketatkan penguatkuasaan undang-undang dengan meminda peraturan-peraturan pelepasan asap dan gas dari kenderaan bermotor. Ianya bertujuan untuk memastikan pematuhan standard pelepasan yang lebih ketat, iaitu bagi kenderaan berenjin diesel akan dipertingkatkan daripada Standard EURO 1 kepada EURO 2, manakala bagi kenderaan berenjin petrol pula standard pelepasan gas dipertingkatkan daripada EURO 2 kepada EURO 3; dan
- ii) Cadangan mempertingkatkan kualiti minyak petrol dan diesel untuk mematuhi spesifikasi EURO 4M. Pelaksanaan cadangan ini akan mengurangkan kandungan pencemar, iaitu sulfur dari 500 *parts per million* (ppm) kepada 50 ppm.

Langkah-langkah untuk memperketatkan standard pelepasan asap dan gas dari kenderaan berenjin diesel dan petrol serta mempertingkatkan kualiti minyak petrol dan diesel akan dapat mengurangkan pencemaran udara

JAWAPAN:

terutamanya di bandar-bandar besar yang padat dengan trafik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH

17 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN:

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menyelamatkan bangunan lama Jalan Sultan, Kuala Lumpur dari dirobohkan berikutan pelaksanaan projek MRT yang menyebabkan pengambilan tanah persendirian untuk dikekalkan sebagai bangunan warisan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara telah mengadakan perbincangan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan MMC-Gamuda Joint Venture Sdn. Bhd bagi mengambil langkah-langkah yang perlu berhubung perkara ini. Hasil perbincangan telah memutuskan agar sebarang kerja-kerja yang dilaksanakan oleh MMC-Gamuda Joint Venture Sdn. Bhd tidak boleh mengganggu struktur bangunan lama di kawasan

SOALAN NO: 38

Jalan Sultan dan menyediakan *mitigation measures* akibat gegaran di bawah tanah serta menyediakan tatacara kerja yang menyeluruh kepada pihak-pihak yang terlibat seperti Jabatan Warisan Negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sebelum kerja-kerja dilaksanakan.

SOALAN NO : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO¹ ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]**

TARIKH 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN 40

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) adakah Kerajaan bercadang menjadikan tarikh 13 Mei sebagai "Hari Mahabbah" atau "Hari Perpaduan" dan menyiarkan tanpa tapisan semua kisah sebenar dan gambar-gambar peristiwa 13 Mei 1969 supaya rakyat sedar bahaya politik perkauman dan agama; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang membuka Kertas Putih untuk mengenai pasti punca dan dalang peristiwa 13 Mei 1969.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

- a) Untuk makluman YB, kerajaan tidak berhasrat untuk mengistiharkan 13 Mei sebagai “Hari Mahabbah” atau “Hari Perpaduan”. Walau bagaimanapun, peristiwa 13 Mei 1969 akan terus diingati dalam lipatan sejarah sebagai iktibar supaya ia tidak lagi berulang di masa akan datang.

- b) Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada 9 Oktober 1969 telah mengeluarkan laporan mengenai Tragedi 13 Mei bagi menjelaskan latar belakang sejarah, insiden 13 Mei dan tindakan serta harapan supaya insiden ini tidak berulang di masa hadapan. Kerajaan juga bersedia untuk mencetak dan mengedar semula kertas Putih Insiden 13 Mei 1969 bagi meningkatkan kefahaman terhadap perpaduan dan keselamatan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA **SOALAN(39)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)

DARIPADA Y.B. PUAN TAN AH ENG
[GELANG PATAH]

SOALAN

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah mengangkat sampah tidak mengikut jadual; dan
- (b) langkah-langkah Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelesaikan masalah kegiatan menggantung *banner* Ah-Long (Syarikat peminjam haram).

JAWAPAN JPSPN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah mengangkut sampah tidak mengikut jadual ini, adalah dengan menetapkan sasaran pencapaian melalui petunjuk prestasi utama primer (*Primary KPI*) yang perlu dilaksanakan oleh syarikat konsesi dan ianya dijadikan sebahagian daripada Perjanjian Konsesi. Perjanjian Konsesi ini telah dipersetujui dan ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dengan syarikat-syarikat konsesi dan ianya berkuatkuasa mulai 1 September 2011. Perjanjian ini telah menetapkan bahawa kegagalan syarikat konsesi yang tidak mengangkut sampah mengikut jadual yang ditetapkan boleh menyebabkan syarikat dikenakan penalti yang tinggi dan pemotongan markah yang akan menjuruskan kepada perkhidmatan syarikat di kawasan berkaitan ditamatkan. Justeru, Kerajaan berharap dengan kaedah ini syarikat konsesi akan mematuhi jadual

kutipan yang ditetapkan bagi mengelakkan mereka menanggung kerugian atau membawa kepada perkhidmatan mereka ditamatkan.

(b) Setiap papan iklan yang hendak dipasang dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapat lesen daripada PBT di bawah Undang-Undang Kecil Iklan. Tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil oleh PBT ke atas iklan tanpa lesen adalah seperti berikut;

- i) menahan iklan tersebut dan mengenakan fi sebanyak tiga kali ganda fi lesen tahunan bagi iklan yang dilesenkan;
- ii) membatalkan nombor telefon bagi iklan haram dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multi Media (SKMM) dan pihak penyedia talian telefon; dan
- iii) memohon perintah mahkamah bagi menurunkan iklan tersebut dan perbelanjaan bagi menurunkannya akan

ditanggung oleh pihak yang mempamerkan iklan berkenaan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan Oktober 2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. MUHAMMAD LEO

MICHAEL

KAWASAN

TOYAD MUKAH

TARIKH

17.10.2011 (Isnin)

NO. SOALAN

DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapa buah syarikat luar negara dan jumlah pelaburan dalam industri berat (Besi, Aluminium, Pembuatan Kereta, Pembuatan Kapal) ke negara ini dari 2006 hingga 2010.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Dari tahun 2006 hingga 2010, jumlah pelaburan asing dalam industri berat seperti industri besi, aluminium, pembuatan kereta dan pembuatan kapal yang diluluskan ke negara ini adalah berjumlah RM30.87 bilion. Butiran tentang pelaburan asing dalam industri berat tersebut adalah seperti berikut:

- Industri besi:
 sebanyak 50 buah syarikat luar negara dengan maioriti ekuiti asing melebihi 50% telah melabur dengan nilai pelaburan berjumlah RM17.7 bilion;
- Industri aluminium:
 sebanyak 8 buah syarikat luar negara dengan maioriti ekuiti asing melebihi 50% telah melabur dengan nilai pelaburan berjumlah RM12.6 bilion;
- Industri pembuatan kereta
 sebanyak 1 buah syarikat dengan penvertaan asing kurang 50% telah melabur dalam pembuatan kenderaan 'passenger car' ienis hibrid dan elektrik dengan nilai pelaburan berjumlah RM141 iuta; dan
- Industri pembuatan kapal:
 sebanyak 6 buah syarikat luar negara dengan maioriti ekuiti asing melebihi 50% telah melabur dengan nilai pelaburan berjumlah RM433.7 iuta.

Seiumlah besar pelaburan di dalam industri besi dan aluminium adalah melibatkan industri logam asas seperti 'unwrought aluminium' dan 'stainless steel slabs, stainless steel black coils and hot rolled stainless steel sheets'.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RAMASAMY (BATU KAWAN)

TARIKH : 17 OKTOBER 2011 (ISNIN)

NO. SOALAN : 42

SOALAN:Dr. Ramasamy (Batu Kawan) minta Perdana Menteri menyatakan apakah peranan dan portfolio yang dipegang oleh Dato' G. Palanivel melalui perlantikannya ke jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN : (YB Senator Dato' G Palanivel a/l K. Govindasamy)

Tuan Yang di-Pertua,

Dato' G. Palanivel melalui pelantikannya memegang portfolio dan senarai tugas selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah untuk mengawal selia agensi-agensi berikut:

- (i) Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
- (ii) Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
- (iii) Biro Pengaduan Awam (BPA)

